

# Unit khas bagi perkemas perusahaan kecil akan ditubuh

UUM 17 NOV 1980  
KUALA LUMPUR, 16 Nov. — Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan menubuhkan sebuah unit khas bagi memaju dan memperkemaskan bidang perniagaan dan perusahaan kecil di negara ini tidak lama lagi, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, kerajaan berpendapat perniagaan dan perusahaan kecil sekarang perlu dijalankan secara lebih tersusun bagi memenuhi kehendak negara apabila memasuki bidang perusahaan berat pada masa depan.

Berucap merasmikan seminar sehari mengenai masa depan perusahaan dan perniagaan kecil dalam ekonomi negara di sini, beliau berkata walaupun perusahaan kecil memang sudah lama wujud di negara ini, keadaannya adalah tidak teratur dan memuaskan.

Katanya, perusahaan itu kebanyakannya dijalankan oleh orang perseorangan tanpa kajian mengenai keperluan pasaran dan tenaga pekerja yang terlatih.

Untuk menjamin perniagaan dan perusahaan seperti itu dapat memainkan peranan yang berkesan apabila negara menceburi bidang perusahaan berat, kajian untuk memoden dan menyusun industri tersebut perlulah dibuat, tambah beliau.

Ini adalah kerana dalam sistem ekonomi bebas seperti di Malaysia, perusahaan kecil adalah amat penting kerana tanpanya perusahaan yang lebih besar yang bergantung kepada keluaran perusahaan kecil tidak mungkin dapat diwujudkan.

Beliau yakin bidang

perusahaan kecil di negara ini mempunyai masa depan yang baik memandangkan pasaran bagi barang-barang pengeluarannya adalah luas apabila Malaysia menceburi bidang industri berat pada masa depan.

Bagaimanapun beliau mengingatkan para pengusaha dalam bidang itu supaya menyusun industri mereka secara moden dan teratur.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberi jaminan kerajaan akan memberi perhatian sewajarnya dalam hal ini.

Kata beliau kerajaan juga ada menerima cadangan supaya ditubuhkan sebuah lembaga sama seperti Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia untuk memberi nasihat dan bimbingan kepada para pengusaha dalam bidang tersebut bagi memastikan perkembangan yang lebih teratur dan sesuai dengan kehendak negara.

Beliau mensifatkan seminar anjuran MCA Wilayah Persekutuan dan Dewan Perniagaan Cina Selangor itu sebagai kena pada masanya kerana ia akan membolehkan para pengusaha dalam bidang itu mengenali bidang-bidang yang harus dimajukan.

Timbalan Perdana Menteri selanjutnya mengingatkan para pengusaha tersebut yang kebanyakan terdiri dari masyarakat Cina supaya berkongsi pengalaman mereka dengan lain-lain kaum.